



Strategi Memulihkan Ekonomi Malaysia

PANDEMIK COVID-19 sememangnya tidak pernah diduga oleh mana-mana negara di dunia. Setelah buat pertama kalinya dikesan di Wuhan, China, pada penghujung tahun lalu, kesannya amatlah dirasai oleh kebanyakan penduduk di serata dunia. Dianggarkan puluhan juta orang menganggur angkara pandemik ini.

Dijangkakan banyak negara di dunia akan mengalami kemelesetan ekonomi, tanpa mengira sama ada negara maju mahupun negara membangun. Penguncupan ekonomi ini berlaku disebabkan banyak negara telah menguatkuasakan perintah berkurang mahupun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti yang berlaku di Malaysia. Bermula pada 18 Mac hingga 3 Mei yang lalu, negara diletakkan di bawah PKP dan menyebabkan semua aktiviti tidak dibenarkan kecuali aktiviti

yang dikategorikan sebagai penting. Akibatnya, rata-rata sektor ekonomi terkena tempias yang bukan kepalang. Hanya segelintir sektor sahaja yang tidak begitu ketara menerima kesan negatif ekoran langkah kerajaan membendung penularan pandemik COVID-19.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran pada tahun 2020 ialah 5.5 peratus – satu kadar yang tinggi untuk Malaysia berbanding dengan kadar dalam lingkungan tiga hingga empat peratus sahaja sebelum ini. Dengan kadar

yang lebih tinggi ini, ramai rakyat Malaysia yang akan menganggur. Pengangguran yang tinggi akan menyebabkan timbulnya pelbagai isu lain. Hanya kerana pandemik COVID-19, kesannya bukan setakat melibatkan isu kesihatan awam, tetapi juga merangkumi aspek lain dalam kehidupan rakyat. Maka dengan itu, kerajaan mengambil langkah membuka semula sektor ekonomi secara beransur-ansur bermula pada 4 Mei lalu dengan menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Pada masa yang sama, kerajaan juga telah mengumumkan tiga siri pakej rangsangan yang secara keseluruhannya berjumlah RM260 bilion, khas untuk rakyat serta pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS). Pakej ini bertujuan untuk membantu rakyat bagi meringankan beban kewangan mereka semasa tempoh pandemik COVID-19. Kerajaan juga telah mengumumkan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun lalu bagi memulihkan sektor ekonomi negara dalam tempoh jangka masa pendek. Hal ini cukup penting kerana setelah kerajaan berjaya membantu rakyat dan syarikat melalui pakej rangsangan, maka kerajaan juga perlu melaksanakan pelan pemulihan ekonomi negara yang berkesan, cekap dan ampuh. Objektifnya supaya nasib rakyat, syarikat dan perniagaan terbela.

Pelan ini penting kerana berada di bawah pendekatan pemulihan yang merupakan tahap keempat strategi kerajaan dalam usaha menangani pandemik COVID-19. Dengan tema "Bersama Menjana Ekonomi", PENJANA dirancang dengan teliti dan terperinci berasaskan tiga teras utama, iaitu memperkasakan rakyat, melonjakkan perniagaan dan merangsang ekonomi. Ketiga-tiga teras utama di bawah PENJANA ini merupakan langkah bagi memastikan ekonomi rakyat dan negara dapat

Terdapat 40 inisiatif PENJANA yang berjumlah RM35 bilion termasuk RM10 bilion suntikan fiskal langsung daripada kerajaan. Fokus utama pastinya melibatkan isu pekerjaan rakyat Malaysia. Hal ini, bagi menyelamatkan rakyat daripada terus menganggur.

diselamatkan. Beberapa hari sebelum pengumuman PENJANA, kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah memberikan petunjuk bahawa PENJANA diaspirasikan untuk pembangunan masa hadapan negara. Menurut Menteri Kewangan, Dato' Sri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz, pelan pemulihan ini akan digunakan untuk mengambil peluang baharu ekoran pandemik COVID-19. Dengan kata mudah, dalam apa-apa juga krisis, pastinya ada peluang yang boleh diambil untuk memberikan kebaikan dan manfaat bersama-sama.

Dalam konteks pandemik COVID-19 yang telah menyebabkan bermulanya krisis ekonomi, maka bukan setakat risiko negatif perlu ditangani. Akan tetapi, peluang positif yang terbuka luas perlu direbut bersama-sama oleh semua pihak. Lantaran itu, PENJANA yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, merupakan langkah ke hadapan dalam menangani isu COVID-19 dan pada masa yang sama merebut peluang yang ada untuk memacu ekonomi negara pada masa akan datang.

Terdapat 40 inisiatif PENJANA yang berjumlah RM35 bilion

termasuk RM10 bilion suntikan fiskal langsung daripada kerajaan. Fokus utama pastinya melibatkan isu pekerjaan rakyat Malaysia. Hal ini, bagi menyelamatkan rakyat daripada terus menganggur. Hampir RM9.0 bilion diperuntukkan bagi tujuan ini dan jumlah ini dijangka akan memberikan kebaikan untuk tiga juta orang pekerja di Malaysia. Peruntukan yang cukup besar berjumlah RM5.0 bilion disediakan untuk meluaskan Program Subsidi Upah. Di bawah PENJANA, program ini dilanjutkan selama tiga bulan lagi dengan kadar RM600 sebulan bagi setiap pekerja.

Di samping itu, sejumlah RM1.5 bilion diperuntukkan untuk Program Insentif Pengambilan Pekerja yang akan memberikan manfaat kepada 300 ribu orang pekerja. Program ini membolehkan rakyat Malaysia terutamanya penganggur dan belia diambil bekerja agar mereka dapat meneruskan kehidupan seperti sedia kala. Perkara ini sekali gus dapat mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan belia dan individu yang diberhentikan kerja ekoran pandemik COVID-19. Malah, insentif sebanyak RM600 sebulan

juga diberikan kepada golongan belia terutamanya lepasan sekolah dan graduan yang diambil bekerja, selain peruntukan sebanyak RM2.0 bilion khas untuk meningkatkan kemahiran para belia dan penganggur di Malaysia. Oleh itu, kebolehpasaran mereka dalam pasaran pekerjaan akan mampu ditingkatkan pada tahap yang lebih tinggi, seterusnya akan memudahkan mereka mendapatkan pekerjaan pada masa akan datang.

Satu perkara yang cukup menarik di bawah PENJANA ialah iltizam kerajaan untuk membantu pekerja dalam sektor ekonomi sementara atau jangka masa pendek yang lebih dikenali sebagai ekonomi gig. Sebanyak RM75 juta diperuntukkan bagi tujuan membantu mereka yang terlibat dalam ekonomi ini. Ramai yang terlibat secara langsung dalam ekonomi ini terutamanya ketika wabak COVID-19 melanda negara, maka bantuan khas yang disalurkan sudah tentulah amat dinantikan oleh para pemain sektor ekonomi terutamanya dalam kalangan pekerjanya.

Satu lagi inisiatif yang cukup menarik yang diperkenalkan oleh kerajaan ialah Program MY30. Melalui program ini, rakyat Malaysia hanya perlu membayar sebanyak RM30 sebulan untuk pas perjalanan bagi menggunakan pengangkutan awam di bawah Prasarana tanpa sebarang had perjalanan. Namun begitu, perjalanan menggunakan pengangkutan awam Prasarana ini hanya melibatkan kawasan Lembah Klang. Jumlah bayaran yang hanya sebanyak RM30 sebulan mampu membantu meringankan beban golongan rakyat berpendapatan rendah memandangkan pengangkutan awam merupakan satu daripada jenis pengangkutan yang amat dekat dengan golongan ini. Caj atau bayaran yang murah membolehkan mereka bergerak dengan lebih kerap

di kawasan Lembah Klang, sekali gus meningkatkan keupayaan mereka untuk berbelanja lebih bagi kegunaan keperluan lain yang lebih mendesak.

Selain rakyat secara umumnya, bantuan sebanyak RM300 juga diberikan khas untuk golongan orang kelainan upaya (OKU) dan ibu tunggal yang tersenarai di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Mereka merupakan antara golongan yang terjejas di samping memiliki kekurangan yang sewajarnya perlu dibantu. Bantuan sebegini sedikit banyak membantu mereka untuk membeli barangan keperluan asas dalam menjalani kehidupan seharian untuk tempoh jangka masa pendek.

Dari sudut perniagaan juga, PENJANA amat menitikberatkan penggunaan teknologi digital. Hal ini cukup dirasai sepanjang tempoh PKP apabila banyak urus niaga perniagaan daripada sekecil-kecil transaksi sehingga sebesar-besar urus niaga menggunakan teknologi digital. Pelbagai inisiatif dirangka di bawah PENJANA untuk meningkatkan aktiviti perniagaan berasaskan teknologi digital. Antaranya, geran padanan sebanyak RM140 juta untuk PKS dan perusahaan mikro, kempen *Shop Malaysia Online* dan RM100 juta Geran Automasi Pintar.

Di samping itu, sektor ekonomi yang lain juga dibantu, seperti sektor pelancongan dengan bantuan RM1.0 bilion Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA; pelbagai insentif cukai buat sektor hartanah; pengecualian dan pengurangan cukai jualan bagi sektor automatif yang bermula pada 15 Jun lalu hingga 31 Disember 2020; dan kemudahan pinjaman sebanyak RM350 juta bagi membantu pengusaha dalam sektor pertanian dan makanan. Malah, PENJANA juga memperkenalkan insentif cukai kosong peratus selama 10 tahun bagi pelaburan baharu untuk syarikat yang memindahkan lokasi perniagaan

mereka ke Malaysia dengan pelaburan harta tetapnya bernilai RM300 juta hingga RM500 juta. Insentif cukai kosong peratus ini dilanjutkan selama lima tahun lagi, iaitu selama 15 tahun bagi syarikat asing yang membuat pelaburan baharu dengan pelaburan harta tetapnya melebihi RM500 juta. Kedua-dua insentif ini khas untuk sektor perkilangan. Hal ini menggambarkan betapa seriusnya kerajaan untuk menarik pelaburan langsung asing ke Malaysia untuk jangka masa panjang. Kesannya, bukan setakat meningkatkan ekonomi negara, tetapi juga menyediakan peluang pekerjaan yang lebih banyak buat rakyat Malaysia.

Bagi meningkatkan keupayaan pemulihan ekonomi Malaysia pada tahap yang terbaik, kerajaan telah membenarkan perjalanan rentas negeri bermula pada 10 Jun 2020 melalui pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), pada 7 Jun lalu. Pengumuman ini pastinya akan meningkatkan lagi momentum aktiviti ekonomi domestik memandangkan tiada lagi sekatan perjalanan antara negeri di Malaysia. Malah, pengumuman ini akan meningkatkan lagi aktiviti pelancongan dalam negara.

Masa akan menentukan sama ada segala strategi yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan ini akan berjaya kelak, bukan setakat mampu memerangi pandemik COVID-19 demi melindungi kesihatan rakyat Malaysia, tetapi juga membawa Malaysia keluar daripada krisis ekonomi dunia yang terburuk pada abad ini. □

Penulis ialah Pengarah Institut Kajian Strategik dan Pembangunan Perakaunan Mampan, Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz, Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia.